

Ia perlu bergerak seiring ketika bersaing mengejar kecemerlangan akademik

# Jangan sesekali abai agama

Oleh ZAINU'L AZHAR ASH'ARI

utusanperlis@utusan.com.my

44/24.3.12/20/4/10/PS-PTAS

**ARAU** 28 Mac - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail mengingatkan graduan supaya tidak memisahkan aspek ketaatan kepada agama ketika mengejar kecemerlangan akademik.

Baginda bertitah, penguasaan ilmu pengetahuan dan ketaatan kepada agama perlu bergerak seiring ibarat laut dan pantai.

“Kita seharusnya sedar bahawa senario hari ini menyaksikan keputusan peperiksaan cemerlang belum menjamin graduan untuk diterima di alam pekerjaan.

“Sebaliknya, kemurnian sahsiah diri akan membantu graduan menghadapi cabaran dalam kerjaya dan memastikan kebolehan pasaran mereka pada masa kini,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Konvokesyen Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) Ke-6 di kampus politeknik tersebut di Ulu Pauh di sini, semalam.

Berangkat sama Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lai-

latul Shahreen Akashah Khalil turut berangkat.

Titah baginda, graduan juga perlu fokus dan mempunyai komitmen tinggi untuk menggabungkan antara minat dan kesungguhan dengan ilmu pengetahuan diperolehi di institusi pengajian tinggi.

“Graduan seharusnya bekerja keras, sentiasa fokus, ikhlas dan mengukuhkan keupayaan diri supaya dihormati dan disegani dalam bidang diceburi.

“Juga, graduan harus berani memperjuangkan perkara yang betul dan dapat memberi faedah kepada masyarakat secara berterusan,” titah baginda.